

# 5 juta tan sampah dibuang setiap hari

B/A 6/4/12 M S I

● KHAIRULL AZRY BIDIN | BERITA HARIAN

## JPS tanggung kos RM4j angkut sampah, selenggara kerosakan

Oleh Halina Mohd Noor  
halina@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Kira-kira lima tan sampah dibuang orang ramai termasuk perabot lama selain peti sejuk, dikumpul setiap hari di Perangkap Sampah Automatik (PSA) yang diletakkan di pertemuan antara Sungai Klang dan Sungai Ampang di sini.

Sikap buruk orang ramai itu dikenal pasti menjadi punca banjir kilat sering berlaku di bandar raya.

Selain itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Wilayah Persekutuan terpaksa menampung kos tinggi mencecah lebih RM4 juta bagi mengangkut sampah dan menyelenggara kerosakan kemudahan di sepanjang sungai berkenaan.

Pengarah Pusat Kawalan SMART, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ir Nor Hisham Mohd Ghazali, berkata pihaknya terpaksa membelanjakan kira-kira RM12,000 sebulan untuk mengutip dan membuang sampah yang terperangkap di PSA.

“Sampah sarap ini bukan saja merugikan JPS, tetapi juga menye-

babkan aliran air terhalang dan menjadi punca banjir kilat.

“Selain itu, sampah seperti perabot rumah yang bersaiz besar boleh menyebabkan kerosakan kepada PSA yang memerlukan kos tinggi untuk dibaiki.


“Ia juga menyebabkan kerosakan kepada infrastruktur lain yang terdapat di sepanjang sungai seperti saluran paip, tebing dan pagar runtuh,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi penerangan media mengenai fungsi terowong SMART di Pusat Kawalan SMART di Kampung Berembang di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Pusat Kawalan SMART, JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Zainab Hashim.

Katanya, fungsi SMART bukan saja mengawal jumlah air mengalir masuk ke Lembah Klang dengan melencongkan aliran air, menaung dan mengalirkan semula ke sungai, tetapi juga memfokuskan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan menjaga kebersihan sungai.

“SMART mempunyai kemudahan untuk menghalang banjir di bandar raya, tetapi pada masa sama perlu menangani masalah sikap



PUSAT kawalan SMART di Kampung Berembang, Ampang.

orang ramai yang membuang sampah ke dalam sungai.

“Selain menyediakan PSA untuk memerangkap sampah, SMART dengan kerjasama JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur turut terbabit dengan program ‘Sungaiaku Hidupku’ yang dijalankan di seluruh negara untuk memberi kesedaran kepada orang ramai supaya

menjaga sungai,” katanya.

Sementara itu, Zainab berkata terdapat juga halangan dibina di sekitar dan dalam sungai menjadi punca aliran air terhalang seperti tiang LRT dan jambatan rendah di Jalan Tun Perak terutama ketika hujan lebat.

“Sejak 2007, SMART berjaya melencongkan kira-kira 50 juta meter

padu air dari masuk ke Lembah Klang. Ketika hujan lebat pada 7 Mac lalu yang menyebabkan beberapa kawasan dinaiki air, kira-kira 3.3 juta meter padu air berjaya dilencongkan.

“Usaha SMART itu berjaya menghalang kerugian akibat banjir yang dianggarkan kira-kira RM100 juta,” katanya.